

13) STATUS RUMAH SELANGORKU DI DUN BUKIT MELAWATI

Adun : Y.B. Dato' Noorazley Bin Yahya (Bukit Melawati)

Kategori : Bertulis

Sesi : 1 (2026)

Sub soalan :

- a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk melaksanakan projek rumah Selangorku di kawasan Dun Bukit Melawati?

Untuk maklumat Yang Berhormat, sehingga 1 April 2026, sebanyak **5 projek dengan 355 unit Rumah Selangorku** telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri di kawasan Dun Bukit Melawati. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **2 projek dengan 118 unit** telah siap dibina dan diserahkan kunci dan **3 projek dengan 237 unit** lagi sedang dalam peringkat perancangan.

Secara keseluruhannya di Daerah Kuala Selangor terdapat **41 projek dengan 15,997 unit** Rumah Selangorku telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) di kawasan Daerah Kuala Selangor. Daripada jumlah tersebut, **21 projek dengan 4,697 unit** telah siap dibina dan diserahkan kunci, **5 projek dengan 1,748 unit** sedang dalam pembinaan dan **15 projek dengan 9,552 unit** lagi sedang dalam peringkat perancangan.

Kerajaan Negeri sentiasa komited dalam penyediaan perumahan mampu milik kepada golongan M40 ke bawah melalui pemilikan di bawah program Rumah Selangorku.

Dari segi perancangan Rumah Selangorku melalui Dasar Perumahan (Dasar Rumah Selangorku 3.0), pihak pemaju / pemilik tanah yang berhasrat membangunkan perumahan akan dikenakan syarat untuk membina Rumah Selangorku berdasarkan kepada keluasan pembangunan dan ianya mengikut Zon / kawasan pembangunan. Untuk kawasan Kuala Selangor ianya terletak di dalam Zon 3 pembangunan yang mana tapak pembangunan 5 ekar hingga 10 ekar dikenakan syarat 15% Rumah Selangorku, 10 ekar hingga 20 ekar 30% Rumah Selangorku, 20 ekar hingga 50 ekar 30% Rumah Selangorku dan 50 ekar ke atas 40% Rumah Selangorku.

Harga jualan Rumah Selangorku 3.0 ini bermula dari RM114,750.00 hingga RM250,000.00 seunit dengan keluasan binaan dari 450 kaki persegi hingga 900 kaki persegi yang terdiri daripada jenis perumahan bertingkat dan bertanah.

Oleh itu, sekiranya terdapat cadangan pembangunan perumahan yang dikemukakan oleh pihak pemaju / pemilik tanah adalah menjadi keutamaan / tanggungjawab pihak LPHS untuk memastikan komposisi/ syarat pembangunan Rumah Selangorku tersebut dipatuhi berdasarkan Dasar Rumah Selangorku 3.0 bagi memastikan Rumah Selangorku berada di pasaran sekaligus boleh ditawarkan kepada pembeli yang layak termasuk golongan B40.